UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : NOVEMBER / 4 / 2026
M/S : 18

Kelemahan kontraktor punca projek sakit

Sebanyak 77 peratus projek sakit tahun ini berpunca daripada kelemahan pengurusan kontraktor, khususnya dalam aspek perancangan, penyelarasan kerja di tapak, pengurusan tenaga kerja serta jentera dan bekalan bahan binaan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata berdasarkan analisis Jabatan Kerja Raya (JKR), baki 23 peratus kelewatan pula disebabkan faktor lain termasuk kelewatan kerja pengalihan utiliti, isu pengambilan balik tanah, akses ke tapak bina yang terhad, kekangan bekalan bahan binaan, kenaikan harga diesel serta isu teknikal berkaitan pelaksanaan projek.

Beliau berkata, trend projek sakit tahun ini menunjukkan penurunan berbanding kadar tertinggi yang direkodkan pada Julai lalu, iaitu 6.51 peratus membabitkan 55 projek.

Katanya, kadar itu berjaya dikurangkan kepada 3.77 peratus atau 33 projek pada September lalu, sebelum meningkat sedikit kepada 4.32 peratus atau 38 projek pada Oktober.

"Berdasarkan analisis terhadap punca kelewatan, 77 peratus daripada punca kelewatan dikenal pasti disebabkan kelemahan pengurusan pihak kontraktor, khususnya dari aspek perancangan dan penyelarasan kerja di tapak yang kurang berkesan, pengurusan tenaga kerja yang tidak mencukupi serta kelemahan dalam pengurusan jentera dan bekalan bahan binaan.

"Baki 23 peratus pula disebabkan faktor lain antaranya kelewatan kerja pengalihan utiliti, isu pengambilan balik tanah, akses ke tapak bina yang terhad, kekangan bekalan bahan binaan, kenaikan harga diesel serta isu teknikal lain," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali (BN-Pekan) di Dewan Rakyat, hari ini, yang meminta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah dan nilai projek yang dikategorikan sebagai projek sakit, termasuk punca kelewatan serta tindakan terhadap kontraktor.



Alexander menjawab soalan di Dewan Rakyat, semalam Foto BERNAMA

Ahli Parlimen itu turut meminta penjelasan mengenai implikasi kelewatan berkenaan terhadap peningkatan kos kerajaan, keselamatan, keselesaan dan akses rakyat kepada kemudahan serta perkhidmatan awam.

Mengulas tindakan menangani projek sakit, Alexander berkata, JKR melaksanakan pemantauan rapi dan intervensi secara berterusan terhadap 38 projek berkenaan, termasuk merujuknya kepada Jawatankuasa Project Solving Governance (PSG) bagi mengenal pasti isu serta menetapkan langkah pemulihan.